

# Alumni UMS asal China sumbang pembangunan ekonomi Sabah

UB 5.7.2018 B3

KOTA KINABALU:

Seorang alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berasal dari negara China memilih berniaga di negeri ini untuk membantu pertumbuhan ekonomi Sabah.

Michael He Long, bekas graduan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), berkata pelbagai jenis perniagaan telah dilaksanakan bagi mencapai hasrat berkenaan sejak tamat pengajian pada tahun 2012.

“Saya menjalankan perniagaan solar, zink berteknologi nano, restoran, hotel dan pusat pelancongan selepas sahaja menamatkan pengajian dan masih beroperasi sehingga kini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan daripada Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang di pejabatnya di Kolombong Inanam.

Michael berkata, beliau juga bersedia untuk membantumana-mana pihak khususnya alumni UMS yang ingin bekerjasama dan membangunkan jaringan perniagaan bersama beliau.

“Saya percaya kerjasama ini sekali gus bukan sahaja dapat membantu rakan-rakan alumni UMS yang



DARWIS (kiri) bergambar bersama Michael (kanan) semasa kunjungan itu.

lain tetapi dapat sama-sama merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri ini,” jelasnya.

Sementara itu, Darwis memaklumkan lawatan berkenaan merupakan satu inisiatif Pusat Alumni UMS untuk bertemu, mempromosi dan membina jaringan bersama alumni di seluruh negara.

“Dalam masa yang sama, kita membantu mereka untuk berkongsi, menyebarkan luas dan mengembangkan

perkhidmatan serta produk kepada sesama alumni UMS dan masyarakat.

“Program ini akan berterusan dengan menyasarkan untuk menjadikan lebih ramai alumni di seluruh negara bagi memastikan jaringan kepakaran antara alumni UMS dapat diwujudkan sekaligus mampu menyumbang kepada pembangunan universiti ini serta masyarakat Malaysia amnya dan Sabah khususnya,” katanya.